



KURSUS

DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

KERTAS PROJEK

MAHKAMAH SYARIAH DI-SABAH: PERKEMBANGAN DAN BIDANGKUASA

OLEH

HAJI MOHD. NOOR BIN WAHAB

KADI MAHKAMAH BAGHIAN NEGERI SABAH

SESSION 1985-1986

KANDUNGAN.

1. Sepatahkata dari penulis.
2. Mukaddimah.
3. Penubuhan Mahkamah Syariah di-Sabah.
4. Mahkamah Kadi Bahagian. dan Bidangkuasa-nya.
5. Mahkamah Kadi Besar. dan Bidangkuasa-nya.
6. Mahkamah Rayuan Syariah, dan Bidangkuasa-nya.
7. Cara Pengendalian-nya.
8. Perkembangan dan kemajuan, yang tercapai.
9. Perancangan Masa Depan.
10. Penutup.

Sepatah kata dari penulis.

Dengan Nama Allah, Tuhan yang Maha Pemurah lagi Pengasih. Segala kepujian dan kebesaran adalah semuanya bagi Allah, Tuhan semesta Alam, Selawat dan Salam keatas Junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan seterusnya kepada sahabat-sahabat dan Pengikut-pengikut sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kehadiran Allah S.W.T. yang telah memberi Taufik dan hidayat kepada saya, yangmana dapat saya menulis sedikit, didalam satu tajuk Kertas Kerja ia-itu. " Mahkamah Syariah di-Sabah: Perkembangan dan bidanguasa-nya." yang sedang berjalan pada masa ini di-Negeri Sabah.

Jaya juga mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terimakasih, terutama sekali kepada pihak Universiti Islam Antarabangsa, yang telah memilih dan menentukan tajuk yang tersebut kepada saya, dan juga tidak terhitung ucapan penghargaan yang tidak ternilai kepada semua Pensyarah-Pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar dan khidmat nasehat kepada saya, Khasnya kepada: Dato' Professor Ahmad Irahim, Professor Madya Dr. Mahmud Saedon, Professor Madya Dr. Othman Ishak, Professor Madya Haji Mohd. Akram, Professor Madya Razali Nawawi, dan Tuan Ustaz Abdullah bin Abu Bakar.

Dan saya juga bersyukur dan terimakasih kepada Professor Madya Haji Salleh Hj. Buang, yang sudi menjadi Penyelia kepada saya bagi tujuan kertas Projek yang tersebut, saya berdoa semoga Allah dapat membalaskan jasa-jasa mereka yang tidak ternilai itu, di-Dunia dan di-Akhir Akhirat kelak. Amin Ya-Rabbal Alamin.

Haji Mohd. Noor bin Wahab.

Kota Kinabalu. Sabah.
5 hb. Muharram 1406 H.
20 hb. Septembar 1985 M.

Mukaddimah.

Sebelum saya memulakan tajuk ini, ingginlah saya memperkatakan serba ringkas darihal Masyarakat Islam di-Negeri Sabah, sebelum Mahkamah Syariah ditubuh di-Negeri ini. Sabah, adalah salah satu Negeri diantara Negeri-negeri di-Pulau Borneu, letaknya disebelah baratimor semenanjung tanah Melayu, dan sekarang adalah sebahagian dari Negeri-negeri dalam Malaysia. penduduknya terdiri dari berbagai-bagai kaum, seperti Bajau, Dusun, Murut, Kedayan, Suluk, Kedazan, Bisaya, Berunai dan lain-lain.

Masyarakat Islam ketika ini dianggarkan seramai 55% termasuk 20% daripadanya adalah terdiri dari saudara-saudara baru. Islam adalah sebagai Ugama resmi bagi Negeri ini, walau bagaimanapun Ugama-ugama yang lain bebas dan boleh diamalkan dengan tidak ada apa-apa halangan.

Badan-badan Dakwah:-

Sebelum Penubuhan Mahkamah Syariah, Sabah mempunyai sebuah badan Pertubuhan Islam Seluruh Negeri Sabah (USIA) yang ditubuhkan dalam tahun 1969, dan badan inilah yang mengendalikan segala Urusan berkenaan Ugama kepada seluruh Masyarakat Islam pada ketika itu, seperti Pelajaran, Pendidikan, Dakwah, termasuk pentadbiran seperti, Sekolah-Sekolah Ugama, Surau, dan Masji-Masjid.

Penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah:-

Memandangkan semakin hari semakin pesat Umat Islam bertambah terutama sekali Masyarakat yang bukan Beragama Islam telah bedyun-duyun masuk Ugama Islam melalui Badan-badan Dakwah yang diselenggarakan oleh USIA, maka orang-orang Islam terutama pemimpin-pemimpin Islam yang berpandangan jauh, telah mencari kata sepakat, untuk mencari jalan bagaimana hendak memaju dan memperkembangkan lagi Syiar Islam dan mengemaskinikan Hukum-hukum Islam dengan lebih tersusun dan teratur lagi dimasa hadapan.

Maka pada bulan Julai 1971 Dewan Undangan Negeri Sabah telah meluluskan satu Undang-undang keluarga Islam di-Sabah, dengan Nama: Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak

No. 15 tahun 1971. dengan adanya peruntukan Enakmen ini maka Majlis Ugama Islam Sabah pon di-tubuhkan. Mengikut dibawah seksyen 3.(1) yang menyatakan:-

" Adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan yang diperbadankan dengan nama " Majlis Ugama Islam Sabah " yang berturun-turun dan mempunyai suatu meteri dan boleh dan didakwa dengan namanya dan, tertakluk kepada dan bagi tujuan-tujuan Enakmen ini, boleh mengikat perjanjian dan boleh mendapatkan, membeli, mengambil, memegang dan menikmati semua jenis harta alih dan takalih dan boleh meminda hak menyerah hak, menyerah balik, menyerah, mencagar, menggadai janji, memajak, menyerah-hak balik, memindamilik atau dengan cara lain melepaskan, atau mengurus, sesuatu harta alih atau takalih atau sesuatu kepentingan didalam-nya yang terletak-hak kepada Majlis dengan apa-apa syarat yang di-sifatkan-nya patut." (1)

Setelah hampir enam tahun kemudian, keadaan Umat Islam di-Sabah bertambah ramai yang melebihi bilangan 50% dari keseluruhan penduduk pada ketika itu, maka pada 23 hb. Desembar 1977 Dewan Undangan Negeri Sabah telah meluluskan suatu Enakmen untuk memansuhkan dan menggantikan Undang-undang yang mengatur pentadbiran Hukum Syarak 15/71, yang terdapat banyak kekurangan dan ketidak sesuaian beberapa peruntukan didalam Enakmen tersebut.

Dengan lulusnya Enakmen ini maka telah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah Datuk Ahmad Koroh, dinamakan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No. 15 tahun 1977, maka dengan peruntukan yang ada didalam Enakmen ini maka Pentadbiran Hal-ehwal Ugama Islam yang diselenggarakan oleh MUIS, dapat diluaskan lagi dan dapat bertindak dengan lebih berkesan, memang tidak dapat dinapikan, banyak kes-kes jenayah dan Sivil yang berkaitan dengan orang-orang Islam tidak dapat diselesaikan, dan jika ada berlaku, maka terpaksa dibawa ke-Mahkamah Anak Negeri, kerana pada ketika itu Mahkamah Syariah belum lagi ditubuhkan.

(1) Seksyen 3(1) Enakmen Hukum Syarak 15/77.

Penubuhan Mahkamah Syariah di-Sabah:

Penubuhan Mahkamah Syariah ini dilakukan ia-lah disebabkan keperluan kepada tindakan keatas pelaku-pelaku kesalahan jenayah dibawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak negeri Sabah 15/77, yang menggantikan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 15/71.

Pada 23-hb. Desembar 1977 maka Mahkamah Syariah telah selamat ditubuhkan, selaras dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 15/77 dibawah seksyen 46 (1)(2)(3) yang menyatakan: " Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, boleh melalui pemberitahu Warta Kerajaan menubuhkan suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri Sabah, yang tertakluk kepada peruntukan peruntukan seksyen 48 mempunyai bidangkuasa didalam seluruh Negeri Sabah." (2)

Di-bawah seksyen 46(2) ada menyatakan:-

" Yang Di-Pertua Negeri Sabah boleh melalui pemberitahu didalam Warta Kerajaan menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Kadi Bahagian bagi tiap-tiap satu Bahagian didalam Negeri Sabah." (3)

Dan dibawah seksyen 46(3) ada juga diperuntukan:-

" Yang Di-Pertua Negeri Sabah boleh melalui pemberitahu didalam Warta Kerajaan menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Kadi ditempat tempat sebagaimana yang dipikirkannya patut, dan boleh menetapkan had-had bidangkuasa tempatan bagi Mahkamah-Mahkamah itu." (4)

Maka dengan ini telah ditubuhkan Mahkamah-Mahkamah Kadi bagi tiap-tiap Bahagian di-Negeri Sabah, bahagian -Bahagian itu ia-lah:-

1. Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat, bertempat di-Ibu Pejabat Majlis Ugama Islam Sabah Kota Kinabalu.
2. Mahkamah Kadi Bahagian Pendalaman, bertempat di-Pekan Keningau.

(2) Seksyen 46(1) Enakmen Hukum Syarak 15/77

(3) Seksyen 46(2) Enakmen Hukum Syarak 15/77

(4) Seksyen 46(3) Enakmen Hukum Syarak 15/77

3. Mahkamah Kadi Bahagian Sandakan, bertempat di-Bandar Sandakan.
4. Mahkamah Kadi Bahagian Kudat, bertempat di-Pekan Kudat.
5. Mahkamah Kadi Bahagian Tawau, bertempat di-Bandar Tawau.

Semua kelima-lima Mahkamah Kadi Bahagian ini di-ketuai oleh seorang Kadi Bahagian yang dilantik oleh Yang Di-Pertua Negeri Sabah dibawah seksyen kecil (2) Seksyen 45 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 15/77 atas nasehat Majlis Uqama Islam Negeri Sabah. (5)

Bidangkuasa Mahkamah Kadi Bahagian:

Mahkamah Kadi Bahagian ada mempunyai bidangkuasa yang tertentu sepertimana yang di-peruntukan dibawah seksyen 47(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 15/77 ada menyatakan: " Mahkamah Kadi Bahagian hendaklah mempunyai bidangkuasa dalam mana-mana bahagian dimana Mahkamah itu terletak dan hendaklah diketuai oleh seorang Kadi Bahagian." (6)

Untuk bertindak didalam perkara Kes, sama ada Jenayah atau Sivil, Mahkamah Kadi Bahagian telah di-peruntukan di-bawah seksyen 47(2) Enakmen pentadbiran Hukum Syarak 15/77 diantaranya menyatakan:-

" Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini Mahkamah Kadi hendaklah mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa apa perkara sivil atau jenayah yang jenisnya dinyatakan berikut ini yang timbul dalam had-had bidangkuasa tempatan yang ditetapkan baginya dibawah seksyen yang terdahulu, atau jika tiada had-had tempatan sedemikian, dalam negeri ini, dan hendaklah diketuai oleh Kadi yang dilantik baginya." (7)

Didalam bidangkuasa berkenaan jenayah, Mahkamah Kadi ini, diberi peruntukan yang boleh membicarakan bagi kes kes yang berlaku diantara orang orang yang beragama Islam sehaja, didalam seksyen 47(3)(a) ada menyatakan:-

(5) Seksyen 45(2) Enakmen Hukum Syarak 15/77

(6) Seksyen 47(1) Enakmen Hukum Syarak 15/77

(7) Seksyen 47(2) Enakmen Hukum Syarak 15/77

Mahkamah Kadi Bahagian hendaklah:-

" Dalam bidangkuasa jenayahnya, membicarakan apa apa kesalahan yang dilakukan oleh seorang Islam dan yang boleh dihukum dibawah Enakmen ini, dan boleh mengenakan apa apa hukuman yang diperuntukan baginya." (8)

Demikian juga halnya didalam perkara yang terlibat didalam kes kes Sivil, Mahkamah ini juga diberi peruntukan dan boleh membicarakan, seperti yang dinyatakan dibawah seksyen 47(3)(b)(i)(ii)(iii)(iv)(v)(vi) yang menyebutkan:-

" Dalam bidangkuasa sivilnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan perbicaraan yang semua pihak didalamnya menganuti Ugama Islam dan yang berkaitan kaitan dengan;

- (i) Pertunangan, nikah, perceraian, pemansuhan, perkahwinan atau farak dengan perintah Mahkamah;
- (ii) Apa apa pelepasan, atau tuntutan atas harta berbangkit dari apa apa perkara yang dinyatakan dalam perenggan kecil (1) perenggan ini;
- (iii) Nafkah orang orang tanggungan, sahtaraf anak penjagaan dan pemilikan bayi;
- (iv) Pembahagian, atau tuntutan atas harta sepencarian;
- (v) Penentuan orang orang yang berhak mendapat bahagian harta pusaka seseorang yang mati yang menganuti Ugama Islam atau bahagian bahagian yang orang orang itu masing masing berhak;
- (vi) Surat surat Wasiat atau pemberian akhir hayat seseorang Allahyarham yang menganuti Ugama Islam

Dengan syarat ia tidak boleh pada biasanya membicarakan apa apa kesalahan atau membicarakan atau menentukan apa apa tindakan atau perbicaraan yang berkenaan dengan-nya sesuatu Mahkamah Kadi mempunyai bidangkuasa." (8)

Disini ingin saya nyatakan, walaupun bidang kuasa yang tersebut diberi kepada Mahkamah Kadi Bahagian, tetapi ada juga setengah setengah perkara tidak dapat diambil tahu misalnya: seperti hak

hartabenda seseorang yang bukan Islam, dan sebaliknya pula, jika ada perselisihan yang timbul dari keputusan Mahkamah Kadi Bahagian dengan Mahkamah sivil maka keputusan Mahkamah sivil hendaklah dipakai, ini telah dinyatakan didalam seksyen kecil(5) dan(6) seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 15/77 diantaranya ada menyatakan:-

" Tiada sesuatu keputusan Mahkamah Kadi Bahagian atau Mahkamah Kadi boleh menyentuh apa apa hak atas harta seseorang yang bukan Islam dan;

Tiada apa apa jua yang terkandung didalam Enakmen ini boleh menyentuh bidangkuasa sesuatu Mahkamah Sivil dan, jika terdapat apa apa perselisihan atau pertelingkahan yang timbul diantara keputusan Mahkamah Kadi Bahagian atau Mahkamah Kadi dengan keputusan Mahkamah Sivil yang bertindak dalam bidangkuasa keputusan Mahkamah Sivil hendaklah dipakai."(9)

5. Mahkamah Kadi Besar dan Bidangkuasanya:-

Mengikut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No.15/77 yang telah memperuntukan dibawah seksyen kecil(1) seksyen 46 untuk menubuhkan satu Mahkamah Rayuan Syariah yang mana-ianya diketuai oleh seorang Kadi Besar Sabah yang dilantik, kerana pada masa ini Mahkamah Rayuan Syariah ini adalah diketuai oleh Kadi Besar Sabah, ini adalah terkandung didalam seksyen 46(1) yang menyatakan:-

" Yang Di-Pertua Negeri Sabah boleh melalui pemberitahu dalam warta kerajaan menubuhkan suatu Mahkamah Rayuan Syariah bagi Negeri ini yang tertakluk kepada peruntukan peruntukan seksyen 48 mempunyai bidangkuasa dalam seluruh Negeri."(10)

(9) Seksyen 47(5)(6) Enakmen Hukum Syarak 15/77

(10) Seksyen 46(1) Enakmen Hukum Syarak 15/77

Sebagai untuk mengetuai dan mentadbirkan perjakanan Mahkamah ini dan juga perkara-perkara yang berhubung dengan Pegawai-pegawai dan kakitangan dibawahnya maka Enakmen ini juga telah memperuntukan untuk melantik seorang yang layak dan sesuai menjadi Kadi Besar Sabah, ini juga telah dinyatakan dibawah seksyen 45 (2) Enakmen Hukum Syarak Negeri Sabah No.15/77:-

" Yang Di-Pertua Negeri Sabah boleh atas Nasihat Majlis Ugama Islam Sabah, melantik seorang yang sesuai sebagai Kadi Besar Sabah, dan boleh dengan cara yang serupa melantik orang yang sesuai sebagai Kadi Bahagian dan Kadi bagi kawasan-kawasan sebagaimana yang ditetapkan-nya, dan boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana perlantikan itu." (11)

Dengan adanya peruntukan-peruntukan ini maka pada 1 hb. Desembar 1981 telah ditubuhkan dan dirasmikan di Sabah sebuah Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Kadi Besar, yang diketuai oleh seorang Kadi Besar Sabah yang dilantik, Mahkamah ini terletak berhampiran dengan Majlis Ugama Islam Sabah, Kota Kinabalu.

Bidangkuasa Mahkamah Rayuan Syariah:-

Bidangkuasa Mahkamah Syariah ini adalah mengikut sepertimana yang diperuntukan oleh Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah No.15/77 yang berjalannya kuat kuasa pada 1 hb. Desembar 1981. Dibawah seksyen 48(1)(a) dimana Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa diantaranya:-

" Dalam bidangkuasa jenayahnya, oleh seseorang yang disabitkan dan dijatuhkan hukuman penjara atau didenda sebanyak tidak kurang daripada dua puluh lima ringgit, rayuan itu boleh dibuat terhadap sabitan atau hukuman atau terhadap kedua-duanya." (12)

Dan didalam bidang sivilnya pula:-

(11) Seksyen 45(2) Enakmen Hukum Syarak 15/77

(12) Seksyen 48(1)(a) Enakmen Hukum Syarak 15/77

" Seseorang yang musykil dengan keputusan itu, jika jumlah yang menjadi persoalan atas rayuan itu adalah tidak kurang daripada seratus ringgit ; dan Didalam semua kes yang melibatkan apa apa keputusan mengenai taraf diri, oleh seseorang yang musykil dengan keputusan itu; dan

Didalam semua kes berhubung dengan nafkah orang orang tanggungan, oleh seseorang yang musykil dengan keputusan itu."(13)

Kedudukan Kadi Besar didalam Mahkamah Rayuan Syariah

Kadi Besar adalah sebagai ketua pentadbir Mahkamah rayuan syariah, didalam hal ini Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah No.15/77 dibawah seksyen 48(2)(a) telah memberi peruntukan untuk mengendalikan percaraan dan cara memutuskan-nya, diantaranya;

" Mahkamah rayuan Syariah hendaklah diketuai oleh Kadi Besar, bersama sama dengan dua orang kadi Bahagian yang dipilih oleh Kadi Besar, dan diluluskan oleh Majlis Ugama Islam Sabah, dari antara Kadi Kadi Bahagian yang dilantik dibawah seksyen kecil(2) seksyen 45, dengan syarat bahawa tiada seseorang ahli boleh membicarakan didalam Mahkamah Rayuan Syariah, sesuatu kes yang ahli itu telah membuat keputusan mengenainya."(14)

Didalam keadaan seperti ini, Kadi Besar hendaklah membuat pilihan dan perlantikan dibawah peruntukan (a);

" Dalam hal suatu rayuan jenayah apabila menerima surat-suratan yang dirujuk dalam seksyen kecil (3) seksyen 71, diantaranya menyatakan;

" Apabila menerima petisyen itu, Mahkamah hendaklah menyediakan dan menghantar dalam empat salinan kepada yang di-pertua Majlis Ugama Islam rekod yang mengandungi salinan petisyen itu, salinan pertuduhan dan salinan izin untuk mendakwa jika ada,

- (13) Seksyen 48.(b)(1)(ii)(III)enakmen hukum syarak
(14) Seksyen 48.(2)(a)enakmen hukum syarak 15/77.

salinan catitan Mahkamah mengenai perbicaraan itu, salinan apa apa barang kes yang berkenaan dan salinan hukuman atau perintah Mahkamah dan alasan alasan hukuman, tiap tiap salinan rekod itu hendaklah diperakui sebagai benar oleh pegawai pengetua Mahkamah itu dan dimeterikan. Perayu adalah berhak untuk menerima suatu salinan rekod itu apabila dibayar yang ditetapkan, jika ada dan Mahkamah hendaklah, tanpa bayaran, menghantar suatu salinan rekod itu kepada pendakwa, yang hendaklah hadir sebagai pehak menentang kepada rayuan itu."(15)

Didalam kes kes sivil pula, Mahkamah Rayuan Syariah ini, apabila menerima rekod rayuan yang dirujuk dalam seksyen kecil (5) seksyen 90. yang menyatakan:- " Tertakluk kepada peruntukan peruntukan seksyen 48 enakmen ini mana mana pehak dalam sesuatu perbicaraan sivil dalam Mahkamah Kadi Mahkamah atau Mahkamah Kadi boleh merayu terhadap hukuman atau perintah Mahkamah itu kepada Mahkamah Rayuan Syariah yang ditubuhkan mengikut seksyen kecil(1) seksyen 46 enakmen ini."(16)

Demikian lagi dalam hal sesuatu permohonan lain yang boleh dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah dibawah enakmen ini, apabila menerima rayuan itu.

Keputusan lebih suara adalah keputusan Mahkamah.

Didalam hal ini seksyen 48.(2)(c) ada menyatakan:-

" Keputusan lebih suara ahli ahli yang mengetuai Mahkamah hendaklah menjadi keputusan Mahkamah Rayuan Syariah."(17)

Kesalahan kesalahan yang boleh didakwa oleh Mahkamah

Sebagaimana yang disebutkan terdahulu, bahu tujuan dan fungsi utama penubuhan Mahkamah Syariah di-Sabah ini adalah untuk mengambil tindakan undang-undang keatas orang orang Islam yang melakukan

(15) Seksyen 71.(3) enakmen hukum syarak 15/77

(16) Seksyen 90.(1) enakmen hukum syarak 15/77

(17) Seksyen 48.(2)(c) enakmen hukum syarak 15/77

kesalahan jenayah dibawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah No. 15/77. Di antara kes kes yang boleh didakwa di-Mahkamah Mahkamah syariah adalah seperti berikut:-

1- Menjarar Ugama Islam tanpa kebenaran MUIS.

Dibawah seksyen 93B. Enakmen pentadbiran Hukum 15/77, Mahkamah telah diperuntukan boleh mengambil tindakan undang undang keatas; Sesiapa, kecuali dalam tempat tinggalnya sendiri dan hanya dihadapan ahli ahli rumahtangganya, menjarar atau mengakui menjarar apa apa prinsip Ugama Islam tanpa kebenaran bertulis baginya dari MUIS, adalah bersalah atas satu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi enam bulan (tiga bulan) atau denda tidak melebihi lima ratus ringgit. (18)

2 - Mengisytiharkan sesuatu prinsip yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

Mahkamah juga boleh mendakwa dan mengambil tidak kan undang undang dan boleh menjatuhkan hukuman keatas orang orang Islam yang didapati bersalah; yang diperuntukan dibawah seksyen 93C.ia itu:-

" Sesiapa menjarar atau secara terbuka mengisytiharkan sesuatu prinsip atau melaksanakan sesuatu upacara atau perbuatan berkait dengan Ugama Islam dengan sesuatu cara yang bertentangan dengan hukum syarak adalah bersalah atas satu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi seribu ringgit atau dengan kedua-duanya. " (19)

3 - Kelakuan bertujuan menyinggung perasaan kaum muslim.

Dibawah seksyen 93D. pula Mahkamah boleh mendakwa keatas sesiapa, sama ada ia menganut Ugama Islam atau tidak, dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa perasaan

(18) Seksyen 93B. enakmen pentadbiran hukum s.15/77

(19) Seksyen 93C. enakmen pentadbiran hukum s.15/77

keugamaan seseorang mungkin tersinggung atau suatu pecah keamanan mungkin berlaku, mengeluarkan kata-kata atau membuat apa apa bunyi atau menyebut sesuatu sebutan atau cabutan daripada Quran atau Hadis atau mencetak, menyiar atau mencodok sesuatu Hadis memakai apa apa jenis pakaian, jubah, pakaian kepala atau sebahagian darinya atau selain-nya, berkelakuan dengan suatu cara adalah bersalah atas satu kesalahan yang boleh diambil tahu oleh Mahkamah Majistrit kelas satu dan apabila disabitkan boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi setahun atau denda tiga ribu ringgit atau dengan kedua-duanya dan walaupun terkandung dalam mana mana undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah ini adalah berkuasa menjatuhkan sepenuhnya hukuman yang dengan ini diperuntukan."(20)

4 - Mendirikan Masjid tanpa kebenaran dari MUIS.

Didalam hal yang lain pula Mahkamah ini boleh mendakwa dan bertindak mengikut undang undang jika didapati orang orang Islam yang mendirikan Masjid tanpa memberitahu dan tidak mendapat kebenaran dari Majlis Ugama Islam adalah satu kesalahan jika sabit, hukuman boleh dikenakan keatasnya, dalam seksyen 94. enakmen pentadbiran Hukum Syarak Negeri Sabah No.15/77 ada menyatakan:-

" Sesiapa dengan bertentangan dengan peruntukan peruntukan seksyen 29, mendirikan suatu Masjid atau memberi atau selain-nya menggunakan sesuatu bangunan yang sedia ada sebagai atau bagi tujuan sesuatu Masjid, tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Ugama Islam, adalah bersalah atas satu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi seribu ringgit."(21)

5- Kegagalan Melapor/Mendaftar Nikah atau cerai.

Berkennan Pernikahan dan Perceraian bagi orang orang

(20)Seksyen 93D.enakmen pentadbiran hukum syarak 15/77

(21)Seksyen 94. enakmen pentadbiran hukum syarak 15/77

Islam yang senghaja dan gagal melapor dan mendaftar adalah menjadi satu kesalahan yang boleh diambil tahu dan boleh dihukum jika sabit kesalahan oleh Mahkamah. Enakmen pentadbiran hukum syarak telah memperuntukan dibawah seksyen 95. yang mengatakan:-

" Sesiapa yang berkewajipan melapurkan sesuatu nikah atau perceraian kepada Imam, dengan sengaja gagal atau tidak berbuat demikian adalah bersalah atas satu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi lima puluh ringgit." (22)

6- Enggan membayar Zakat atau Fitrah.

Zakat atau Fitrah adalah diwajibkan keatas tiap tiap orang Islam yang berada dan cukup syarat syaratnya, Enakmen pentadbiran hukum syarak juga ada memperuntukan yang mana tindakan undang undang boleh diambil keatas sesiapa yang enggan atau engkar membayar Zakat atau Fitrah, mengikut dibawah seksyen 96.(1) menyatakan:-

" Sesiapa yang kena membayar sesuatu Zakat atau Fitrah enggan atau dengan senghaja tidak membayarnya, adalah bersalah atas satu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi seribu ringgit." (23)

" Suatu sabitan dibawah seksyen ini tidak menghapuskan hutang itu. " (24)

" Sesuatu Zakat atau Fitrah yang harus dibayar oleh seseorang atau nilainya boleh diperolehi seolah olah beras atau padi haiwan atau wang itu telah diperintah supaya diserahkan kepada Majlis Ugama Islam oleh suatu perintah yang sah dari suatu Mahkamah atau seolah olah nilainya boleh diperolehi sebagai suatu denda yang dikenakan dibawah peruntukan enakmen ini." (25)

7- Membeli atau meminum atau menjual minuman yang mabuk.

Didalam hal mengawal keselamatan dan keharmonian khususnya dikalangan masyarakat Islam di-Negeri Sabah, maka enakmen hukum syarak 15/77, ini telah memperuntukan agar tindakan dan dakwaan boleh diambil keatas peminum

(22)	Seksyen 95	(1)	enakmen hukum syarak	15/77
(23)	Seksyen 96	(1)	enakmen hukum syarak	15/77
(24)	Seksyen 96	(2)	enakmen hukum syarak	15/77
(25)	Seksyen 96	(3)	enakmen hukum syarak	15/77

atau penjual minuman yang memabukan dengan menyatakan:
 " Sesiapa yang membeli atau menjual atau meminum apa-apa minuman yang memabukan dalam mana mana atau lain-lain tempat awam boleh dihukum dengan denda tidak melebihi lima puluh ringgit, atau jika kesalahan yang kedua atau yang berikutnya tidak melebihi seratus ringgit."(26) Dengan syarat adalah tidak menjadi kesalahan bagi mana mana orang untuk membeli atau menjual sedemikian sebagai ejen seseorang prinsipal yang tidak menganuti Uqama Islam.

8- Memakan, meminum disiang hari bulan Ramadan.

Untuk memelihara kesucian Islam dan memuliakan bulan Ramadan sebagai bulan Ibadat bagi Umat Islam maka enakmen pentadbiran hukum syarak Negeri Sabah telah memperuntukan dibawah seksyen 98. yang membolehkan Mahkamah mendakwa dan menghukum jika didapati bersalah terhadap orang orang Islam, dalam seksyen ini menyatakan:- " Sesiapa yang pada waktu siang hari dalam bulan Ramadan membeli bagi kegunaan sertamerta atau menjual kepada seseorang yang menganuti Uqama I Islam bagi kegunaan sertamerta, atau memakan apa apa makanan, meminum apa apa minuman atau menghisap tembakau boleh dihukum dengan denda tidak melebihi lima puluh ringgit, atau jika kesalahan yang kedua, atau yang berikutnya tidak melebihi seratus ringgit."(27)

9- Tidak mematuhi perintah bermulanya puasa Ramadan.

Dibawah seksyen 99. enakmen ini telah memperuntukan kepada Mahkamah boleh bertidak keatas sesiapa dikalangan orang Islam yang tidak dan sengaja tidak mematuhi perintah oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, berkenaan awal berpuasa di-bulan Ramadan diantaranya ada menyatakan:-

" Sesiapa yang tidak mematuhi perintah Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah berkenaan dengan bermulanya bulan Ramadan atau Hari Raya Haji

(26) Seksyen 97 enakmen hukum syarak 15/77

(27) Seksyen 98 enakmen hukum syarak 15/77

atau hari Raya Fitriah boleh dihukum denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit."(28)

- 10- Kesalahan berdua-duaan atau berseketiduran lelaki dan perempuan selain daripada isteri yang sah.

Sebagaimana yang diketahui tujuan Majlis Ugama Islam Sabah dan penubuhan Mahkamah Kadi di-Sabah adalah untuk mencegah dari berlakunya perkara yang mungkar dikalangan Umat Islam dinegeri ini, dan mengekalkan kesucian Islam disamping mengembangkan syiar Islam dari masa kesemasa, dengan ini enakmen pentadbiran hukum syarak Negeri Sabah diperuntukan dibawah seksyen 101. yang menyatakan:-

" Sesaorang lelaki Islam yang didapati berseketiduran dan berdua-duaan dengan berhampiran yang menimbulkan syak dengan sesaorang perempuan, sama ada perempuan itu menganuti Ugama Islam atau tidak, selain daripada seorang isteri atau seorang perempuan yang oleh sebab pertalian darah, pertalian ipar atau persaudaraan angkat lelaki itu tidak dibenarkan berkahwin dengan-nya oleh hukum syarak, adalah bersalah atas kesalahan khalwat dan boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi tiga bulan atau denda tidak melebihi tiga ratus ringgit, atau jika kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, dengan penjara tidak melebihi empat bulan atau dengan denda tidak melebihi empat ratus ringgit."(29)

Didalam seksyen kecil (2) seksyen ini ada menyatakan:- " Sesaorang perempuan Islam yang ber-syubhat atas kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen kecil satu seksyen ini boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi tiga bulan atau dengan denda tidak melebihi tiga ratus ringgit atau jika kesalahan serupa olehnya yang kedua atau yang berikutnya, dengan penjara tidak melebihi empat bulan atau dengan denda tidak melebihi empat ratus ringgit."(30)

Dan didalam seksyen kecil (3) seksyen ini pula ada menyatakan:- " Sesaorang perempuan Islam

- | | | |
|------|---|-------|
| (28) | Seksyen 99 enakmen pentadbiran hukum syarak | 15/77 |
| (29) | Seksyen 101enakmen pentadbiran hukum syarak | 15/77 |
| (30) | Seksyen 101.(2) pentadbiran hukum syarak | 15/77 |

yang didapati bersekertiduran dengan dan berdua dusaan dengan kehampiran yang menimbulkan syak dengan seseorang lelaki yang tidak mengamati Ugama Islam boleh dihukum dengan cara yang sama saolah olah ia melakukan kesalahan bertentangan dengan seksyen kecil (2) seksyen ini."(31)

Didalam keadaan yang seperti ini, adakalanya perempuan yang telah didapati bersalah oleh Mahkamah, ia nya boleh dihantar kerumah kebajikan yang dilulus oleh Majlis Ugama Islam, didalam seksyen kecil (4) seksyen ini ada menyatakan:-

" Mufti boleh memerintahkan supaya seseorang perempuan yang didapati bersalah atas kesalahan dibawah seksyen ini, dihantar ke sebuah rumah kebajikan yang diluluskan oleh Majlis Ugama Islam bagi sesuatu tempoh tidak lebih dari enam bulan, sebagai mana yang dianggap sesuai oleh Mufti."(32)

- 11- Persetubuhan luar Nikah dan bersekedudukan seseorang bekas suami isteri yang bercerai tanpa rujuk.

Dalam membasmiakan kemaksiatan enakmen ini juga telah memberi peruntukan supaya dapat terkawal segala perkara yang keji dan mungkar seperti perisetubuhan luar nikah atau bersekedudukan laki isteri yang sudah bercerai tanpa rujuk yang sah disisi hukum syarak, dalam hal ini pihak yang berkuasa Mahkamah boleh mendakwa dan bertindak mengikut undang-undang, dibawah seksyen 102.(1) ada menyatakan:-

" Seseorang lelaki yang telah menceraikan isterinya dengan sah disisi undang undang, mula bersekedudukan kembali dengan-nya tanpa mendapatkan rujuk yang sah disisi undang undang boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi empat belas hari atau dengan denda tidak melebihi lima puluh ringgit, atau jika isterinya pada masa mula bersekedudukan kembali itu tidak tahu tentang berlakunya perceraian itu, dengan penjara tidak melebihi sebulan atau

(31) Seksyen 101.(3) enakmen hukum syarak 15/77

(32) Seksyen 101.(4) enakmen hukum syarak 15/77

dengan denda tidak melebihi seratus ringgit."(33)

Didalam seksyen kecil seksyen ini juga ada menyatakan:- " Sesaorang perempuan yang bersyubhat atas kesalahan yang boleh dihukum dibawah seksyen kecil (1) seksyen ini boleh dihukum dengan penjara sei lama tujuh hari atau dengan denda tidak melebihi dua puluh lima ringgit." (34)

Dan didalam seksen kecil ini(3) pula menyatakan :- " Kecuali bagi hal hal yang disebut dalam seksyen kecil (1) dan (2) seksyen ini, sesiapa jua yang bersalah atas persetubuhan luar nikah, sama ada pehak yang lain dalam persetubuhan luar nikah itu menganuti Uğama Islam atau tidak boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi enam bulan atau dengan denda tidak melebihi lima ratus ringgit."(35)

12- Penalti na keatas orang yang melanggar enakmen ini.

Dibawah seksyen 103. enakmen ini Mahkamah telah diberi peruntukan boleh bertindak mengikut undang-undang jika sesaorang yang didapati bersalah kerana melanggar apa apa peruntukan atau apa apa kaedah yang ada dalam enakmen ini, seksyen ini menyatakan:-

" Tiap tiap orang yang melanggar apa apa peruntukan enakmen ini atau apa apa kaedah yang dibuat dibawahnya, boleh, jika tiada penalti lain diperuntukan dihukum dengan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dengan penjara tidak melebihi dua bulan atau dengan kedua-duanya."(36)

13- Tiada Mahkamah Boleh mengambil tahu sesuatu kesalahan dibawah seksyen 93A. enakmen ini.

Sungguhpun Mahkamah ini diberi peruntukan yang membolehkan mengambil tindakan dan dakwaan keatas orang-orang yang bersalah dibawah seksyen yang terdapat dalam enakmen ini, tetapi seksyen 93A. tidak diberi peruntukan untuk mengambil tahu dan mendakwa kecuali dengan

-
- (33) Seksyen 102.(1)enakmen hukum syarak 15/77
 (34) Seksyen 102.(2)enakmen hukum syarak 15/77
 (35) Seksyen 102.(3)enakmen hukum syarak 15/77
 (36) Seksyen 103. enakmen hukum syarak 15/77

dengan kebenaran Pendakwa Raya diberi terdahulu. didalam seksyen 93A. enakmen ini telah menyatakan:- " Seseorang sama ada ia menganut Uqama Islam atau tidak, atau sesuatu persatuan atau pertubuhan atau sesuatu pergerakan keugamaan selain daripada Majlis Uqama Islam, yang menyibar apa apa prinsip atau kepercayaan keugamaan, tanpa kebenaran bertulis bapinya daripada Majlis Uqama Islam, dikalangan orang-orang yang menganut Uqama Islam, adalah bersalah atas satu kesalahan yang boleh diambil tahu oleh Mahkamah Majisterit Kelas Satu dan boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi setahun atau denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dengan kedua-duanya, dan walaupun terkandung dalam mana mana undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah itu adalah berkuasa menjatuhkan sepenuhnya hukuman yang dengan ini diperuntukan. "(37)

Meteri Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi bahagian

Tiap tiap mahkamah sama ada Mahkamah Rayuan Syariah atau Mahkamah Kadi Bahagian ada mempunyai meteri atau cop sebagaimana yang diluluskan oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Proses Tiap tiap Mahkamah.

Proses tiap tiap Mahkamah itu hendaklah dikeluarkan dibawah meteri Mahkamah itu dan dibawah tandatangan Pegawai pengetuanya.

Bahasa Mahkamah.

Semua Mahkamah Mahkamah Kadi telah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa percakapan didalam Mahkamah, dan semua surat dan perbicaraan bertulis dibolehkan menulis dengan tangan atau ditaip, sama ada didalam tulisan jawi atau tulisan rumi.

Orang-orang yang boleh mendakwa:

Pada masa ini ada beberapa orang yang dilantik untuk menjalankan tugas sebagai Pendakwa, mengikut dibawah seksyen 65. enakmen ini adalah seperti berikut:-

- a- Orang-orang yang dilantik secara bertulis oleh Yang Di-Pertua Negeri Sabah untuk mendakwa
- b- Orang-orang yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam untuk mendakwa.
- c- Seorang yang dilantik sebagai Pendakwa Raya atau timbalan-nya.
- d- Pegawai penguat kuasa atau Polis.
- e- Iman Kariah dimana kesalahan itu dilakukan.
- f- Dakwaan boleh dibuat oleh pengadu sendiri. Tetapi walau bagaimanapun tiada seorang pun daripada orang-orang itu berhak menjalankan dakwaan jika mana-mana orang yang disebut sebelumnya dalam senarai yang terdahulu boleh didapati dan sanggup berbuat demikian. (38)

Perkembangan dan kemajuan Mahkamah di-Sabah.

Sejak tertubuhnya Mahkamah Syariah di-Sabah pada tahun 1987 hingga ke hari ini, bolehlah dibanggakan jika dibandingkan dengan masa yang begitu singkat, disini saya ingin menerangkan serba ringkas sejauhmana perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai:-

1- Bahagian Syariah:

Pada masa ini satu unit telah diwujudkan dibawah Pentadbiran Majlis Ugama Islam, yang dipanggil sebagai Unit Bahagian Syariah. Fungsi dan tujuan Unit ini diwujudkan ia-lah semata-mata untuk menjalankan dan mentadbirkan masalah Hukum Syarak dan menjaga kepentingan kekeluargaan Islam supaya terjamin dan berada didalam keadaan kenteraman di-Negeri Sabah ini, dengan berdasarkan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak sepertimana yang terkandung dalam enakmen hukum syarak 15/77.

Unit bahagian syariah ini telah dibahagikan kepada dua fungsi dan mempunyai tugas yang berasingan dan bidangkuasa yang tertentu dan bebas

(38) Sekyen 65 enakmen hukum syarak 15/77

tidak menerima tekanan dari mana mana pihak didalam menjalankan tugas tugas berkenaan hal-ehwal Ugama Islam, kedua dua unit ini:-

- a- Pejabat Mufti, adalah sebagai Penasehat Ugama, dan Mahkamah Syariah pula diketuai oleh Kadi Besar Sabah, untuk menjaga dan memelihara kepentingan kekeluargaan Islam terhadap kes kes jenayah dan kes kes sivil termasuk masaalah Nikah, Cerai, Fasakh, Farak dan yang berbangkit daripada tuntutan harta benda yang berbangkit dari Perceraian atau disebabkan kematian, dan surat surat wasiat atau pemberian akhir hayat seseorang Allah yarham yang menganuti Ugama Islam.

Unit Pejabat Mufti:

Pada masa ini Sabah mempunyai seorang Mufti yang dilantik oleh Yang Di-Pertua Negeri Sabah selama tempoh tiga tahun, diatas nasihat ketua negeri menteri Sabah dan ianya layak untuk dilantik semula selepas tempoh yang tersebut, ini adalah sejajar dengan seksyen 9. Enakmen pentadbiran hukum syarak 15/77.(39)

Tugas tugas Mufti:

Mufti Negeri Sabah adalah menjadi ahli ex-officio Majlis Ugama Islam Sabah didalam majlis mesyuarat Ahli jawatankuasa tertinggi Majlis.

Mufti Negeri Sabah juga termasuk didalam ahli jawatankuasa Undang undang dan Ahli majlis Fatwa sebagai pengurus, ini juga mengikut kehendak seksyen kecil (1) dan (3) seksyen 10. enakmen hukum syarak 15/77.(40)

Segala pelaksanaan Patwa dan tindakan tindakan selanjutnya mengenai perkara yang tersebut telah dijalankan dalam seksyen kecil(1)(2)(3)(4) seksyen 11. enakmen pentadbiran hukum syarak 15/77.

Selain daripada tugas tugas yang telah dilaksanakan oleh Mufti pada masa ini ia-lah:-

- {39} Seksyen 9 enakmen hukum syarak 15/77
 {40} Seksyen 10.(1)(3) hukum syarak 15/77

- (i) Menjadi Ahli Jawatankuasa Fatwa Bagi Majlis Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia.
- (ii) Menjadi Ahli Majlis Muzakarah Hal-Ehwal Ugama perengkat kebangsaan.
- (iii) Menghadiri seminar seminar yang berkaitan dengan Hal-Ehwal Ugama bagi mewakili Majlis Ugama Islam Sabah jika dikehendaki.
- (iv) Mewakili yang di-pertua Majlis Ugama Islam, kesesyuarat Yang Di-Pertua dan Pengarah Pengarah Jabatan Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia jika ia dikehendaki.
- (v) Menjadi Pengurus Jawatankuasa Khutbah, Bagi Majlis Ugama Islam Sabah.
- (vi) Memberi Nasehat dalam Hal-Ehwal Ugama kepada Majlis dari masa kemasama.
- (vii) Menjadi Ahli Jawatankuasa melihat anak bulan Ramadan dan anak bulan Syawal diperengkat kebangsaan.
- (viii) Menjadi sebagai ketua rumbungan melihat anak bulan Ramadan dan anak bulan Syawal bagi perengkat Negeri Sabah.

Pegawai dan kakitangan yang bertugas dibawah Mufti.

Pada masa ini ada beberapa orang sahaja pegawai dan kakitangan yang sedang bertugas dibawah Mufti, di-
antaranya:-

- i- Timbalan Mufti Sabah.
- ii- Pegawai tadbir bahagian syariah.
- iii- Juru taip Khas kepada Mufti.

Bahagian Mahkamah Syariah:-

Perkembangan perjalanan Mahkamah Syariah di-Negeri Sabah pada masa ini tidaklah begitu tersusun dan teratur, oleh kerana kekurangan para Kadi Kadi yang berpengalaman yang boleh mengendalikan ditiap tiap Mahkamah Kadi Bahagian dan juga terdapat kekurangan Pendakwa, dan kakitangan yang lain bagi tiap tiap Mahkamah itu, walau bagaimanapun prestasi Mahkamah

Syariah dibawah pentadbiran Majlis Ugama Islam Sabah yang pada masa ini diketuai oleh seorang Kadi Besar sebagai ketua unit bahagian syariah, telah berjalan sedikit demi sedikit sejak tahun 1978 hingga kehari ini, dengan kadar daya yang terasampu mengikut peruntukan enakmen pentadbiran hukum syarak yang diberi kuasa kepada Mahkamah ini.

Sebenarnya mengikut enakmen hukum syarak 15/77, ada tiga perengkat Mahkamah di-Sabah ia-itu Mahkamah Daerah Syariah, Mahkamah Kadi Bahagian dan Mahkamah Rayuan Syariah yang diketuai oleh Kadi Besar, tetapi pada masa ini hanya ada dua perengkat sahaja, Mahkamah syariah di-Negeri Sabah; ia-itu Mahkamah Kadi Bahagian dan Mahkamah Rayuan Syariah. Malupun Mahkamah Kadi Bahagian ada di-tiap tiap Bahagian seperti berikut:-

- 1- Mahkamah Kadi Bahagian Pantai Barat.
- 2- Mahkamah Kadi Bahagian Sandakan.
- 3- Mahkamah Kadi Bahagian Tawau.
- 4- Mahkamah Kadi Bahagian Kudat.
- 5- Mahkamah Kadi Bahagian Pendalaman.

Pegawai Pegawai yang bertugas.

- 1- Mahkamah Kadi Pantai Barat;
 - i. seorang Kadi sebagai ketua pentadbir.
 - ii. seorang Pendakwa.
 - iii. seorang Pegawai penyiasat.
 - iv. seorang pengantar saman.
 - v. seorang kerani dan seorang jurutaip.

Bangunan Mahkamah;

Bangunan Mahkamah Kadi Pantai Barat pada masa ini bertempat dibangunan Mahkamah Rayuan Syariah, Majlis Ugama Islam Sabah.

- 2- Mahkamah Kadi Bahagian Sandakan;

Sandakan adalah salah satu bahagian di-Negeri Sabah dan Sandakan juga salah sebuah bandar uang kedua